

Guan Eng: Pengundi Sarawak atau 'hantu' penentu keputusan PRU
The Malaysian Insider
13 Disember, 2011
Oleh Mohd Farhan Darwis

SHAH ALAM, 13 Dis — Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng menjangkakan penentu kemenangan pilihan raya umum ke-13 adalah dua golongan iaitu "pengundi hantu" dan pengundi di Sarawak.

Menurut Setiausaha Agung DAP itu, sekiranya Pakatan Rakyat memenangi satu pertiga kerusi di Sarawak, itu sudah memadai untuk mereka memberikan tekanan kepada Umno-Barisan Nasional (BN).

"Kita tidak perlu menang separuh daripada keseluruhan kerusi, sekiranya Pakatan menang satu pertiga daripada kerusi sudah cukup," katanya pada Wacana Sinar Harian di sini.

Menurut Lim (gambar), untuk tujuan itu, Pakatan Rakyat jelasnya harus berusaha dengan lebih keras bagi meraih sokongan pengundi di Sarawak.

"Pakatan harus bekerja keras bagi membolehkan kerusi tersebut menjadi milik kita," katanya lagi.

Tambah beliau, sekiranya syor Jawatankuasa Khas Parlimen berkenaan penambahbaikan pilihanraya (PSC) tidak ditunaikan kerajaan, kumpulan pengundi tersebut bukanlah penentu, sebaliknya pengundi hantu yang akan menentukan keputusan pilihan raya.

"Tuntutan PSC harus ditunaikan, atau pengundi hantu akan berleluasa dan menentukan keputusan itu nanti," tegasnya.

Mengulas berkenaan negeri pimpinannya, Lim menegaskan walaupun kerajaan pimpinan Najib menyelar mereka tidak mempunyai pengalaman untuk mentadbir, pihaknya sudah membuktikan kemampuan mereka melalui kesejahteraan yang wujud di Pulau Pinang.

"Memang Pakatan tidak mempunyai pengalaman memerintah, tetapi jangan lupa, kami juga tiada pengalaman mengamalkan politik wang dan rasuah.

"Pakatan sudah membuktikan perkara itu di Selangor dan Pulau Pinang," tegasnya lagi.

Lim turut mempelawa Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, yang merupakan salah seorang panel untuk bersama-sama membuat petisyen tanpa melibatkan parti demi menolak keputusan kerajaan yang merayu untuk kes UKM4.

"Saya mencadangkan kepada Datuk Saifuddin supaya mana-mana wakil rakyat Umno-BN dan Pakatan menolak kepentingan parti dan bekerjasama membuat satu petisyen untuk menolak keputusan kerajaan merayu untuk UKM4," katanya disambut tepukan gemuruh hadirin yang hadir.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/guan-eng-pengundi-sarawak-at-au-hantu-penentu-keputusan-pru/>